

20/09/1997

Setiap negeri harus bijak mengurus perbelanjaan

Lichong Angkui

LANJUTAN daripada langkah berjimat-cermat kerajaan berikutan serangan spekulator asing terhadap pasaran saham dan mata wang negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin mengarahkan semua kerajaan negeri mengurangkan program yang menjurus kepada perbelanjaan berlebihan.

Arahan itu yang dikeluarkan Perdana Menteri ketika pertemuan khas dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, bertujuan membantu proses memperkukuh ketahanan ekonomi negara.

Hakikatnya, setiap negeri harus mengambil usaha dan inisiatif seiring langkah dan pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, terutama dalam urusan kewangan dan perbelanjaan.

Dengan mengambil kira sistem ekonomi terbuka yang dipraktikkan di peringkat negeri dan nasional, sewajarnya setiap kerajaan negeri harus bersepakat dengan Kerajaan Pusat dalam menangani permasalahan berkaitan ekonomi.

Jika tidak, ia bukan saja membantutkan pertumbuhan mapan ekonomi negara dalam jangka panjang, malah boleh menjejaskan pelaksanaan agenda pembangunan lainnya selain akan memberi ruang kepada penyangak ekonomi untuk memanipulasi keadaan.

Sebaliknya dengan bersatu dalam segala tindakan, kerajaan negeri dan Pusat dapat menangkis setiap percubaan, sama ada dari luar atau pun yang didalangi konco-konco dalaman, dengan cukup tangkas serta penuh keyakinan. Komitmen sebegini diperlukan bagi menjamin kekuatan ekonomi negara secara berterusan.

Langkah drastik kerajaan baru-baru ini supaya perbelanjaan jabatan dan agensi kerajaan dipotong dua peratus, sebenarnya satu lagi tindakan yang seharusnya diteladani kerajaan-kerajaan negeri. Walaupun arahan itu membabitkan jabatan dan agensi kerajaan Pusat, maka tindakan seumpamanya juga perlu dikenakan terhadap jabatan dan agensi kerajaan negeri. Perbelanjaan berlebihan akan mendorong kepada peningkatan tekanan inflasi jika tidak diimbangi dengan peningkatan produktiviti.

Seperkara lagi yang sering ditekankan oleh pimpinan tertinggi Kerajaan Pusat ialah perlunya dikurangkan import barangan keperluan, umpamanya jentera berat selain makanan.

Di peringkat negeri, usaha sedemikian juga boleh dipraktikkan kerana ada sesetengah urusan import dikendalikan terus oleh negeri-negeri tanpa melalui Kerajaan Pusat. Malah kerajaan-kerajaan negeri boleh membantu usaha itu dengan memperhebatkan eksport produk tempatan keluaran mereka. Ini aspek yang harus dipertahankan secara berterusan.

Pada ketika yang sama, kerajaan-kerajaan negeri harus juga mempertahankan pentadbiran cekap dan licin kerana ia menjadi asas kekuatan sesebuah pemerintahan.

Justeru, adalah perlu bagi kerajaan-kerajaan negeri melihat rangka dan strategi Belanjawan Negara 1998, sekali gus menjadikannya iktibar, sebelum menyediakan Belanjawan Negeri masing-masing.

Dalam konteks Sabah, pimpinan kerajaan negeri harus bijaksana dan pintar mengurus ekonominya. Selepas pemulihan ketara dalam tiga tahun pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN), ia seharusnya dipastikan terus cemerlang demi membawa kemakmuran berpanjangan bagi rakyat.

Sementara usaha ditumpukan untuk membantu menstabilkan ekonomi negara, terutama selepas kejatuhan nilai ringgit kira-kira 20 peratus akibat serangan spekulatif di pasaran tukaran wang asing, tindakan di peringkat

negeri juga mesti dilaksanakan.

Keadaan agak genting bagi Sabah kerana ia harus mengimbangi di antara keperluan negara dengan tuntutan politik yang pada realitinya tidak boleh dipisahkan. Maknanya pengagihan projek pembangunan kini perlu dibuat secara lebih berhati-hati bagi menentukannya ia dilaksanakan dengan baik dan menepati sasaran yakni bukan lagi sekadar bermaksud ala kadar saja.

(END)